

26 JUN 2000

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK G15

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 Kumpulan Negara-negara Membangun (G15) di Kaherah.

Pesawat yang membawa Dr Mahathir dan isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba di lapangan terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Subang kira-kira pukul 8.30 pagi.

Dr Mahathir adalah antara beberapa ketua kerajaan G15 yang menghadiri sidang kemuncak itu.

G15 mengandungi 17 negara -- Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

--BERNAMA

NY ES